

## Penglibatan Wanita Melayu dalam Memperkasa Sosioekonomi dan Kesejahteraan Hidup Menerusi Penanaman Padi di Terengganu Pada Awal Abad 20

### *The Involvement of Malay Women in Empowering Socio-Economics and Well-Being through Paddy Cultivation in Terengganu in the Early 20th century*

NORAZILAWATI ABD WAHAB, RUZAINI SULAIMAN, ARBA'YAH MOHD NOOR & MOHD FIRDAUS ABDULLAH

#### ABSTRAK

*Dasawarsa ini, banyak kajian berkaitan green imperialisme masih lagi terikat dengan kepentingan terhadap sektor ekonomi di Tanah Melayu. Malah stereotaip ini telah membuatkan penyelidikan sejarah berkaitan tema yang dinyatakan tidak dinamik dan masih terikat dengan naratif lapuk yang ketinggalan zaman. Malah penyelidikan berkaitan penglibatan wanita dalam aktiviti penanaman padi yang boleh dianalisis melalui kesan sosioekonomi yang merujuk kepada aspek kesejahteraan hidup masih kurang mendapat perhatian oleh para pengkaji. Sebelum ini, banyak kajian memfokuskan tentang isu kekeluargaan, domestik, pengaruh, adat dan agama atau lebih jelas sebagai female-friendly sahaja. Jarang sekali dikaji bentuk perubahan sosioekonomi dan faktor pendorong yang dialami oleh wanita Melayu walaupun mereka hanya memfokuskan kegiatan penanaman padi sebagai sumber ekonomi utama. Maka dengan itu, penyelidikan ini bertujuan untuk melihat sejauh mana kegiatan penanaman padi memberi perubahan terhadap sosioekonomi dalam kalangan wanita Melayu di Terengganu pada awal abad ke-20. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengumpulan dan analisis data daripada sumber-sumber primer yang diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia seperti CO 840/1 (Terengganu Administration Report, 1910-1930), CO 840/2 (Terengganu Administration Report 1931-1940), Fail Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dan Fail British Adviser Terengganu. Selain itu, sumber sekunder turut digunakan seperti jurnal, buku, bab buku dan majalah bagi mengukuhkan lagi kajian yang dijalankan. Hasil kajian membuktikan bahawa, melalui kegiatan penanaman padi yang dijalankan oleh wanita Melayu di Terengganu pada awal abad ke-20, ia memberi perubahan sosioekonomi terhadap golongan wanita di Terengganu. Hal ini dapat dilihat melalui aspek kesejahteraan hidup yang diperoleh oleh mereka melalui perolehan pendapatan, pemilikan tanah, peningkatan taraf kesihatan dan lain-lain lagi.*

*Kata kunci: Padi; Kesejahteraan Hidup; Terengganu; Wanita Melayu; Tanah Melayu*

#### ABSTRACT

*Nowadays, many studies about green imperialism were still limited to the importance of the economic sector in Malaya. Due to this stereotype, most of the historical research related to the theme was not dynamic and still tied to outdated narratives. It was discovered that research regarding women's involvement in paddy cultivation activities that can be analyzed through socio-economic effects which refer to aspects of well-being still had not been paid attention to by researchers. Most of the previous studies focused on family issues, domesticity, influence, customs and religion, which could be categorized as female-friendly themes only. Studies that had focused on paddy cultivation activities as the main economic source rarely discussed the form of socio-economic changes and the driving factors experienced by Malay women in this industry. Therefore, this research aimed to see the extent to which paddy cultivation activities impact the socio-economy of Malay women in Terengganu in the early 20th century. This study used a qualitative method that involved the collection and analysis of data from primary sources obtained from the National Archives of Malaysia such as CO 840/1 (Terengganu Administration Report, 1910-1930), CO 840/2 (Terengganu Administration Report 1931-1940), Terengganu State Secretary File and Terengganu British Adviser File. In addition, secondary sources were also used such as journals, books, book chapters and magazines to further strengthen the study conducted. The results of the study proved that paddy cultivation activities carried out by Malay women in Terengganu in the early 20th century had made socio-economic changes among women in Terengganu. This can be seen in terms of better well-being through income generation, land ownership, improvement of health standards and many more.*

*Keywords: Paddy; well-being; Terengganu; Malay Women; Malaya*

## PENGENALAN

Konsep kesejahteraan hidup merupakan sebuah proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan manusia berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya (Azizah Md Yusof 2013). Ramai penulis telah membincangkan berkenaan konsep dan aspek kesejahteraan hidup yang boleh diukur melalui kehidupan manusia dari dahulu sehingga kini. Sebagai contoh Renwick (2006) menyatakan bahawa kesejahteraan hidup boleh diukur apabila seseorang itu berasa seronok dan bahagia dengan apa yang diperoleh. Manakala Muhamad Fadhil (2003) pula mengatakan kesejahteraan hidup boleh diukur apabila seseorang itu berjaya meningkatkan kualiti hidup, berada dalam keadaan sihat, selesa, memperoleh pendapatan dan mampu bekerja. (Mohd Shaladdin Muda & Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin 2006). Kesejahteraan hidup juga merupakan aspek yang begitu penting diberikan penekanan dan pengukuran kejayaan sesebuah dasar yang dilakukan oleh pihak berkuasa (Azizah Md Yusof et al 2014). Meskipun pada abad ke-20, Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) lebih tertumpu kepada sektor perlombongan dan perindustrian, namun situasi yang dinyatakan tidak berlaku di negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) seperti di Kelantan, Kedah, Perlis dan Terengganu (Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor 2019).

Di Terengganu, kegiatan pertanian yang memfokuskan penanaman padi merupakan sumber kekuatan ekonomi kepada rakyat terutamanya golongan wanita. Malah, kegiatan penanaman padi pada peringkat awalnya dianggap tidak mempunyai nilai dan keuntungan sebenarnya telah memberi kekuatan ekonomi serta pendapatan kepada golongan wanita di negeri berkenaan (Barbara Watson Andaya 2000). Melalui penglibatan golongan wanita dalam penanaman padi di Terengganu, ia telah menjadikan Terengganu sebagai sebuah kawasan yang penuh kehijauan dengan kegiatan penanaman padi. *“The swamp often serve as good rice field their emerald green contrasting strongly with the arid dunes in Trengganu.”* (Annual Report Economic Progress of Trengganu 1937). Melihat kepada kepentingan dan potensi tanaman padi di Terengganu, Kerajaan Terengganu telah melaksanakan pelbagai langkah bagi memperkasakan dan meningkatkan aktiviti tanaman padi dalam memastikan pengeluaran padi mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk di Terengganu. *“Rice is the staple food of all*

*these races and naturally rice takes first place in Trengganu”* (Annual Report Economic Progress of Trengganu 1938). Oleh itu, penyelidikan ini akan melihat sejauh mana kegiatan penanaman padi memberi perubahan terhadap sosioekonomi dalam kalangan wanita Melayu di Terengganu pada awal abad ke-20.

## KAJIAN LEPAS

### KESEJAHTERAAN HIDUP

Penyelidikan mengenai kesejahteraan hidup banyak dibahaskan dan dikaji melalui kajian-kajian terdahulu. Secara keseluruhannya, konsep kesejahteraan hidup telah dikaitkan dengan pelbagai fenomena politik, ekonomi dan juga sosial. Berdasarkan Azizah Md Yusof, Jamal Ali dan Roslina Kamaruddin (2013), jelas memperlihatkan bahawa kesejahteraan hidup yang dinikmati oleh petani bergantung penuh kepada kegiatan penanaman padi pada awal abad ke-20. Malah, agenda kesejahteraan hidup rakyat menjadi keutamaan oleh pihak kerajaan bagi memperkasakan kehidupan rakyat. Oleh itu, pelbagai dasar dan langkah telah dilakukan dalam kegiatan penanaman padi agar berlakunya lebih pengeluaran bagi tujuan eksport. Didapati, melalui tingkat pendapatan kegiatan penanaman padi dalam kalangan masyarakat, secara langsung membawa banyak perubahan dari segi kehidupan dan juga peluang untuk memperoleh pendapatan sampingan. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kesejahteraan hidup masyarakat bertani padi di negeri Perlis dan tidak memfokuskan kepada negeri lain seperti pantai Timur.

Manakala Norizan (2003) dalam kajiannya membahagikan kesejahteraan hidup kepada dua kategori iaitu kualiti hidup objektif dan kualiti hidup subjektif. Kualiti hidup objektif adalah tertumpu kepada masyarakat yang memerlukan pendapatan, kesihatan, pendidikan dan sumber makanan harian. Manakala, kualiti hidup subjektif pula ialah kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu yang mempunyai pekerjaan serta pendapatan yang baik. Hal ini jelas memperlihatkan bahawa penglibatan wanita dalam kegiatan penanaman padi merupakan satu bentuk kesejahteraan hidup kerana mereka berusaha mencari pendapatan hidup bagi menampung kehidupan keluarga. Siti Fatimah (2005) pula menjelaskan konsep kesejahteraan hidup ini bukan semata-mata diukur dengan nilai

kasih sayang semata-mata, sebaliknya ia turut diukur melalui taraf pendidikan, taraf kesihatan, ekonomi, pendapatan hidup dan cara masyarakat memperoleh sumber ekonomi. Golongan wanita akan bertambah proaktif dan berdaya saing sekiranya sumbangan mereka dalam sektor ekonomi bertimbal-balik dengan ketersediaan fasiliti kemudahan serta kelengkapan yang dapat menyejahterakan kehidupan mereka.

#### KEGIATAN PENANAMAN PADI

Terdapat beberapa kajian yang dilihat memberikan fokus kepada penglibatan wanita dalam kegiatan penanaman padi di Tanah Melayu. Misalnya Mahani Musa (2003) mengkaji mengenai penglibatan wanita Melayu dalam kegiatan penanaman padi di Kedah. Namun begitu, aspek kesejahteraan hidup dilihat tidak disentuh dengan jelas dan hanya memfokuskan terhadap naratif penglibatan wanita Melayu di Kedah dalam aktiviti penanaman padi sahaja. Misalnya beliau menyatakan bahawa melalui perkembangan kegiatan penanaman padi di Kedah, tahap kesihatan golongan wanita dilihat telah mula diberikan perhatian oleh kerajaan. Sekiranya golongan wanita yang melibatkan diri dalam aktiviti penanaman padi sakit, situasi ini akan menyebabkan aktiviti penanaman padi terjejas dan memberi kerugian terhadap kerajaan. Melalui situasi tersebut, dapat dilihat dengan jelas, Kerajaan Kedah telah mula mengambil perhatian yang serius terhadap kesihatan wanita Kedah yang melibatkan diri dengan aktiviti penanaman padi pada abad ke-20 ekoran kepentingan terhadap pengeluaran padi di negeri berkenaan. Perkaitan antara aktiviti tanaman padi dan peningkatan taraf kesihatan penduduk turut disentuh dengan jelas oleh Mohd Firdaus Abdullah dan Arba'iyah Mohd Noor (2020). Mereka menyimpulkan bahawa melalui aktiviti pengeluaran padi di Kedah, ia telah meningkatkan kesihatan para petani melalui penubuhan hospital dan pusat kesihatan di Alor Setar, Kedah. Namun, sekiranya difahami dengan jelas, kesihatan juga merupakan satu ukuran di mana ia memberikan kesejahteraan hidup dalam kalangan wanita. Namun, ia tidak dinyatakan dengan jelas dalam kajian yang diatas.

Selain itu, Arba'iyah Mohd Noor (2020) turut membincangkan mengenai peralihan peranan dan sumbangan wanita Melayu pada awal abad ke-20. Beliau menyatakan bahawa sememangnya terdapat penglibatan golongan wanita dalam kegiatan penanaman padi di Tanah Melayu. Penglibatan dalam aktiviti penanaman padi telah memberi

kesejahteraan hidup kepada golongan wanita kerana melalui pendapatan yang diperoleh, ia dapat mengubah kehidupan mereka dari kepompong kemiskinan yang membelenggu kehidupan sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, kesejahteraan hidup wanita dalam konteks sosioekonomi tidak dibincangkan secara terperinci. Seterusnya, Nor Aini Idris (2003) turut memfokuskan kepada kegiatan penanaman padi dalam kalangan wanita di NNMTB dan NNMB. Melalui kajian ini, dengan jelas dinyatakan bahawa golongan wanita berusaha membantu para suami untuk memperoleh pendapatan yang lebih stabil dalam kehidupan. Bukan itu sahaja, dalam kajian yang dijalankan oleh beliau juga dinyatakan bahawa dengan kegiatan penanaman padi juga, golongan wanita secara perlahan-lahan menguasai dan mendominasi ekonomi di Terengganu dan Kelantan sehingga melahirkan sifat keusahawanan dalam diri mereka. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak menyentuh perubahan sosioekonomi yang berlaku kepada wanita setelah terlibat dalam kegiatan penanaman padi yang akhirnya berjaya mewujudkan kesejahteraan hidup kepada wanita. Hal ini kerana, melalui sifat pertolongan, sifat keusahawanan dan rasa bahagia membantu suami juga merupakan satu ukuran yang jelas memperlihatkan kesejahteraan hidup mula diperoleh wanita pada ketika itu. Manakala Amarjit Kaur (1994) turut membincangkan mengenai kegiatan ekonomi dalam kalangan wanita di Tanah Melayu sebelum dan ketika pemerintahan British. Beliau turut menganalisis mengenai penglibatan golongan wanita dalam aktiviti penanaman padi di NNMTB termasuk Terengganu. Sebagai contoh, pada tahun 1921, dicatatkan sebanyak 44 peratus golongan wanita melibatkan diri dalam penanaman padi dan getah. Meskipun kajian ini dilihat memberikan dapatan kajian yang bernilai berkaitan penglibatan wanita dalam aktiviti penanaman padi di Tanah Melayu, namun kajian ini tidak menyatakan dengan jelas perubahan sosioekonomi yang berlaku di sebalik penglibatan wanita Melayu dalam aktiviti ekonomi yang dinyatakan.

Seterusnya, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh R.D. Hill (1977) pula, turut membincangkan mengenai kegiatan penanaman padi di Tanah Melayu dan di negara ASEAN yang lain. Menariknya kajian ini, menyimpulkan bahawa sememangnya Tanah Melayu merupakan antara kawasan yang cukup sesuai untuk kegiatan penanaman padi terutamanya di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Di Terengganu misalnya, 70 peratus

penduduknya melibatkan diri dalam kegiatan penanaman padi. Pada tahun 1911, Kuala Nerus dan Besut merupakan kawasan tumpuan utama penanaman padi di Terengganu. Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa kemeriahan penanaman padi di Terengganu adalah disebabkan oleh penglibatan golongan wanita yang dilihat bersama-sama menyumbang tenaga bagi aktiviti ekonomi yang dinyatakan. Perkaitan antara kesejahteraan hidup melalui aktiviti pengeluaran padi dilihat tidak disentuh dalam penyelidikan ini.

Namun berbeza pula dengan kajian yang dihasilkan oleh Siti Noor Hafizah (2020). Beliau telah menyimpulkan bahawa, perkembangan penanaman padi di Kerian, Perak telah menyebabkan kehidupan para petani terjejas ekoran peningkatan kos pengeluaran padi yang perlu ditanggung oleh mereka. Hal ini menunjukkan perkembangan pengeluaran padi di Tanah Melayu dilihat tidak semestinya memberikan kesejahteraan hidup kepada golongan petani meskipun kajian ini tidak menyentuh dengan jelas berkaitan perkaitan kesejahteraan hidup dengan aktiviti penanaman padi yang dilaksanakan di Kerian, Perak pada abad ke-20. Malah cubaan penulis dalam mengaitkan mitos peribumi malas dengan aktiviti penanaman

padi di Kerian dilihat agak kurang relevan ekoran penghijrahan manusia ke lokasi yang memberikan tawaran ekonomi yang baik adalah fenomena normal yang berlaku di seluruh dunia. Hal ini bertepatan dengan teori neoklasik ekonomi mikro menjelaskan tentang pertimbangan yang dibuat oleh individu yang mengambil keputusan untuk berhijrah terutamanya dari segi pertimbangan kos dan kelebihan di tempat destinasi (Nor Ermawati Hussain, Norehan Abdullah & Hussin Abdullah 2015).

#### METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan mengenai “Penglibatan Wanita dalam Memperkasa Sosioekonomi dan Kesejahteraan Hidup Menerusi Pertanian Penanaman Padi di Terengganu Pada Awal Abad 20” merupakan penyelidikan sejarah dan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif. Beberapa tindakan dan proses telah dilakukan misalnya heuristik, kritikan, analisis dan histrografi supaya penyelidikan ini mencapai objektiviti dalam penyelidikan sejarah (Boldt, 2014).

JADUAL 1. Senarai Aktiviti Penyelidikan

Bil	Aktiviti Penyelidikan	Tempoh
1	Heuristik: Pengumpulan bahan dan sumber primer dan sekunder	Oktober-Februari 2020
2	Kritikan: Pengelasan dan perbandingan bahan dan sumber primer dan sekunder	Februari-Ogos 2020
3	Analisis: Penilaian dan analisis sumber dan bahan	Ogos 2020-Januari 2021
4	Historiografi: Penulisan berdasarkan analisis bahan dan sumber yang diperoleh	Januari-Mei 2021

Proses heuristik dilaksanakan melalui pencarian bahan dan sumber primer dan sekunder. Bagi perolehan sumber primer, para penyelidik telah berkunjung ke Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Terengganu, Muzium Negeri Terengganu dan Pejabat Menteri Besar Negeri Terengganu bagi tujuan mengumpulkan data serta bahan berkaitan penyelidikan. Manakala bagi perolehan sumber kedua, para penyelidik telah berkunjung ke Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Negeri Terengganu dan Perpustakaan IPTA di seluruh Malaysia. Proses seterusnya merupakan kritikan sumber di mana sumber sekunder dan primer yang diperoleh akan dibandingkan dengan rekod-rekod lain seperti buku, bab buku, jurnal, latihan ilmiah dan sebagainya. Proses ini penting bagi menentukan kebenaran

dan kesahihan sumber-sumber yang diperoleh, seterusnya dapat menyingkir maklumat yang tidak tepat berkaitan topik penyelidikan ini. Seterusnya, penyelidikan ini akan melalui proses analisis yang melibatkan penyimpulan berdasarkan sumber primer dan sekunder. Proses ini akan menghasilkan sintesis sumber-sumber yang dinyatakan dan seterusnya melahirkan dapatan kajian yang menunjukkan penglibatan golongan wanita dalam penanaman padi di Terengganu pada abad ke-20 telah memberi kesejahteraan hidup kepada mereka. Proses terakhir merupakan proses penulisan sejarah atau dikenali sebagai historiografi sejarah. Konklusinya, penyelidikan sejarah akan tercapai sekiranya ia disempurnakan melalui proses-proses yang dinyatakan di atas.

Selain kaedah kualitatif, penyelidikan ini turut menggunakan kaedah *oral history*. Kaedah ini dimulakan dengan mengenal pasti responden yang bersesuaian dan mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini bagi ditemu bual. Responden dihubungi melalui panggilan telefon bagi memaklumkan mengenai tujuan temu bual dan menyatakan dengan jelas bahawa temu bual berkenaan akan dirakam. Selepas itu temu bual awal (*preliminary interview*) akan dijalankan terlebih dahulu bagi mewujudkan keserasian antara penemubual dan responden. Sememangnya, kaedah ini dapat memberi maklumat sama ada responden yang terpilih bersesuaian atau sebaliknya dalam penyelidikan ini, malah ia juga turut membantu penemubual merangka soalan. Tarikh temu bual sebenar akan ditentukan berdasarkan persetujuan responden. Ketika temu bual sebenar dijalankan, segala maklumat yang diperolehi dari temu bual akan dicatat dan dirakamkan. Temu bual akan diakhiri dengan memberikan surat izin menggunakan rakaman temu bual tersebut untuk pelbagai tujuan penyelidikan dan penerbitan (Mahani 2018). Responden yang dipilih ialah Puan Ramlah Latif yang merupakan Pegawai Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Muzium Negeri Terengganu. Beliau merupakan seorang pegawai yang banyak membuat penyelidikan mengenai sosioekonomi masyarakat Melayu di Terengganu. Temu bual dijalankan pada 13 Januari 2020, segala maklumat yang diperolehi dari temu bual dicatat dan dirakamkan untuk tujuan penyelidikan ini (Mardiana Nordin 2015).

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### FAKTOR, PROSES DAN KESAN PENANAMAN PADI DALAM KALANGAN WANITA MELAYU DI TERENGGANU PADA AWAL ABAD KE-20

Sekitar awal abad ke-20, pertanian merupakan satu bentuk kegiatan ekonomi yang terawal dijalankan oleh wanita Melayu (Nordin Hussin, Rahilah Omar & Siti Fathihah Abd Latif 2012). Pertanian yang dimaksudkan bukan sahaja pertanian berbentuk komersial namun turut tertumpu kepada pertanian yang mampu memberikan sumber dan nilai pendapatan kepada mereka misalnya kegiatan penanaman padi. (Nordin Hussin, Rahilah Omar & Siti Fathihah Abd Latif 2012). Oleh itu, disebabkan kegiatan penanaman padi memberikan sumber dan nilai pendapatan kepada wanita, tentu sekali penglibatan mereka didorong oleh beberapa faktor

utama. Faktor yang paling jelas yang mendorong penglibatan wanita dalam kegiatan penanaman padi di Terengganu adalah disebabkan oleh dasar kerajaan Terengganu yang memperuntukkan tanah secara percuma untuk diusahakan oleh wanita ketika itu. Memandangkan padi yang kemudiannya menghasilkan beras merupakan antara hasil utama negeri, pihak kerajaan telah membuka peluang ini kepada wanita untuk mengusahakan tanaman padi di tanah milik kerajaan. Ketika itu, wanita hanya perlu mengusahakan tanaman padi, kerana subsidi benih dan juga saluran air turut diberikan secara percuma oleh pihak kerajaan. Penyediaan subsidi benih dan pemerkasaan pengairan padi yang disediakan secara percuma oleh kerajaan dilihat sebagai situasi biasa sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Hal ini kerana, melalui situasi yang dinyatakan, ia dilihat turut berlaku di beberapa negeri lain seperti Perlis, Kedah dan Perak (Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor 2018; Siti Noor Hafizah 2021; Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus & Noor Ain Mat Noor 2021)

Melalui pengeluaran padi ini, golongan wanita akan diberikan beras secara percuma dan juga upah di atas usaha yang dilakukan oleh mereka (The Annual Report of The British Agent, Trengganu for The Year 1923). Wanita Terengganu telah dibayar dengan kadar upah sebanyak \$0.50 berbanding \$0.20 sebelum itu mengikut kadar keluasan tanah yang diperuntukkan oleh pihak kerajaan. Melalui upah yang diberikan, ia dapat digunakan oleh mereka bagi tujuan kelangsungan hidup dan memperlihatkan satu bentuk kesejahteraan hidup kepada wanita. Hal ini kerana, menurut Muhamad Fadhil (2003), kejayaan dalam memperoleh pendapatan dan kemampuan dalam bekerja merupakan antara ukuran kesejahteraan hidup bagi manusia. Malah, situasi di Terengganu menunjukkan pihak berkuasa yang memperuntukkan tanah secara percuma juga turut mendapat keuntungan. Misalnya, sawah padi berukuran 2.2 ekar akan memperoleh keuntungan sebanyak \$1.10 oleh pihak kerajaan. Manakala bagi sawah padi berukuran 3.8 ekar, keuntungan yang diperolehi adalah berjumlah \$1.90. Situasi ini menunjukkan, semakin besar keluasan tanah yang dimiliki, maka lagi tinggi keuntungan yang diperolehi. (L. O.B 338/146, Hasil Tanah Padi 50sen Pada Satu Ekar). Pada tahun 1931 terdapat 38,246 orang wanita terlibat di dalam kegiatan penanaman padi. Seperti mana dinyatakan oleh J.E Nathan, "*when once the ploughing and preparation of the soil are finished, most of the work in the rice fields*

*especially as the harvest approaches is done by women*". (J.E. Nathan, The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei, London: Waterlow & Watford, 1921). Langkah memberikan tanah secara percuma kepada wanita untuk diusahakan begitu memberikan kesan sehinggakan pihak kerajaan melakukan tanaman semula atau "*replanting*" bagi meningkatkan sumber eksport negeri. Sebagai contoh, pada tahun 1923, sebanyak 50 ekar tanah percuma telah diberikan oleh pihak kerajaan untuk diusahakan oleh wanita Melayu. (Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Terengganu For 1936). Malah, pada tahun 1924 sebanyak 3,441 ekar telah diperuntukkan lagi bagi tujuan yang sama. (The Annual Report of The British Agent, Trengganu For The Year 1923). Ditambah pula dengan kaedah "piama" yang digunakan dalam kegiatan penanaman padi, ia telah meningkatkan kepercayaan kerajaan untuk menyerahkan tanah kepada mereka bagi diusahakan tanaman padi. Walaupun istilah "piama" jarang didengari oleh masyarakat pada masa kini, namun dalam kalangan pesawah pada zaman tradisional, istilah ini sangat dekat dalam kehidupan mereka (Rahimah A. Hamid 2010). Piama atau pemanggalan musim ialah proses menentukan musim yang sesuai untuk memulakan aktiviti penanaman padi. Kepakaran ini hanya dimiliki oleh golongan wanita ekoran mereka lebih memahami alam sekeliling melalui pengalaman dan pengamatan yang membuatkan mereka lebih dekat dengan sumber alam semula jadi. Hanya merujuk kepada fenomena alam, wanita Melayu mampu menentukan tempoh yang sesuai bagi menjalankan kegiatan penanaman padi.

Selain itu, faktor penglibatan wanita Melayu di Terengganu dalam kegiatan penanaman padi juga adalah disebabkan faktor kepercayaan terhadap roh dan "semangat padi". Roh dan semangat padi dilihat begitu penting dan menjadi kekuatan dalaman kepada wanita untuk terus terlibat dengan kegiatan penanaman padi. Berdasarkan sejarah, seawal abad ke-19, wanita yang mempunyai roh dan semangat padi ini akan lebih cenderung terlibat dengan kegiatan penanaman padi. Hal ini kerana, dengan kedua-dua semangat inilah, kemahiran secara turun temurun akan digunakan secara sepenuhnya oleh wanita yang terlibat. Kesannya, padi akan berbuah dengan lebat, masak dengan baik dan tidak akan diganggu oleh haiwan perosak. Bahkan, bukan roh dan semangat padi sahaja, malah tarikan padi secara

dalaman yang bercirikan seorang wanita cantik, muda, berkulit putih dan menarik menyebabkan wanita terus kekal dengan kegiatan penanaman padi pada ketika itu (Rahimah A. Hamid 2010). Dalam hal ini, ia jelas menunjukkan wanita telah dikonstruksi sosial oleh masyarakat dalam aktiviti tanaman padi bagi meletakkan mereka disubordinasi dalam aktiviti ekonomi berkenaan. Namun begitu, bagi golongan wanita Terengganu, nilai warisan ini melambangkan kesejahteraan hidup dan mereka berasa gembira melalui tradisi yang diamalkan sejak turun temurun (Zarina Md Nor & Zuraida Ramli 2016).

Peranan sosial yang dimainkan oleh seorang wanita bagi membantu golongan lelaki mencari sumber pendapatan juga merupakan antara faktor penglibatan wanita dalam kegiatan penanaman padi. "*Role strain*" atau peranan bersama antara lelaki dan wanita mampu memberikan mereka dalam mewujudkan pengkhususan kerja yang jelas (Fatimah Abdullah 1985). Kegiatan penanaman padi merupakan kegiatan yang cukup mudah dijalankan kerana ia tidak memerlukan kepakaran dan kemahiran serta penggunaan teknologi yang tinggi. (Siti Fairuz Mohd Yusof & Nor Hayati Sa'at 2019). Dengan hanya menggunakan kerja tangan, kaum lelaki telah dipertanggungjawabkan untuk membajak tanah dan membawa semaian manakala kaum wanita menyemai, menuai sehingga proses terakhir iaitu menampi padi (The Annual Report of The British Adviser Trengganu for The Year 1910). Disebabkan pengkhususan kerja yang dinyatakan, pengeluaran padi dilihat terjamin kerana adanya pembahagian tugas secara sistematik di Terengganu. Pembahagian tugas yang dinyatakan dilihat telah meningkatkan eksport pengeluaran padi di Terengganu. Misalnya pada tahun 1910, berlaku peningkatan besar dalam eksport padi negeri Terengganu apabila eksport padi telah mencecah sehingga \$209,528. (The Annual Report of The British Adviser Trengganu for The Year 1910).

Tanaman padi di Terengganu pada ketika ini telah terbahagi kepada dua jenis padi iaitu padi huma dan padi sawah. Padi huma misalnya terdiri daripada tiga jenis iaitu padi bukit, padi tugal dan padi taburan. Manakala padi sawah yang dikenali sebagai padi "cedongan" terbahagi kepada dua jenis iaitu padi cedongan berat dan padi cedongan ringan. (L.O.T 43/1941). Kedua-dua padi ini ditanam pada musim yang berbeza (A.S.S.T 2/1949). Antara kaedah penting dilakukan setelah padi mulai masak yang pertama ialah kaedah mengetam. Kaedah ini menggunakan sejenis peralatan yang diperbuat

daripada kayu dan mempunyai mata di atasnya. Peralatan yang dinyatakan diguna untuk memotong

tangkai padi yang telah masak untuk dijadikan sebagai gemal (gemal) padi.



GAMBAR 1. Wanita Melayu Sedang Mengetam Padi  
Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

Proses kedua ialah mengiaiu padi di mana ianya menggunakan “pisau pengiaiu”. Teknik penggunaannya seakan sama seperti mengetam

atau memotong tangkai (tengkok) padi. Kaedah ini sering kali dilakukan ke atas pokok padi yang rebah. Kaedah ini dijalankan dengan menggunakan pisau mengerat.



GAMBAR 2. Pisau Pengiaiu untuk Memotong Tangkai Padi yang Rebah  
Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

Proses ketiga ialah menghirik. Proses ini merupakan satu kaedah tradisional untuk meleraikan buah padi daripada tangkainya. Kerja-kerja ini

dijalankan setelah selesai kerja-kerja mengetam dan mengiaiu padi.



GAMBAR 3. Wanita Melayu Sedang Mengirik (melaikan buah daripada tangkai) Padi Menggunakan Tangan  
 Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

Manakala proses keempat iaitu proses terakhir ialah mencedung dan menampi. Kaedah ini akan dijalankan secara bergotong royong antara golongan

lelaki dan golongan wanita bagi mendapatkan hasil padi yang berkualiti sama ada untuk tujuan eksport dan juga untuk kegunaan sendiri.



GAMBAR 4. Wanita Melayu Sedang Menampi Padi  
 Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

Meskipun segala proses yang dinyatakan ini dijalankan secara tradisional dan menggunakan kerja tangan sepenuhnya, namun ia dilihat mampu mendedahkan golongan wanita di Terengganu kepada dominasi ekonomi secara berterusan dan mampu mengurangkan peranan mereka dalam ruangan domestik.

#### PENINGKATAN PENDAPATAN BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN HIDUP DALAM KALANGAN WANITA TERENGGANU

Penyelidikan ini melihat penglibatan golongan wanita dalam penanaman padi di Terengganu pada awal abad ke-20 telah memberi kesan yang jelas kepada kehidupan mereka. Kesan pertama ialah, dengan kegiatan penanaman padi, berjaya memberikan sumber pendapatan dan memperkasakan sosioekonomi golongan wanita

Melayu di Terengganu. Hal ini kerana, sekiranya sebelum ini ekonomi golongan wanita lebih memfokuskan kepada kegiatan untuk mencukupkan keperluan hidup, namun apabila aktiviti penanaman padi mula diketengahkan oleh pihak kerajaan, kegiatan ekonomi ini mula dijadikan sebagai sumber pendapatan hidup (Kostiner 1984). Mobiliti sosial golongan wanita ke arah berpendapatan tetap dan mempunyai akses kepada pengurusan kewangan telah mengubah kehidupan mereka (Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang 2017). Situasi ini turut didorong melalui penghijrahan golongan lelaki ke bandar-bandar besar dan pengenalan ekonomi merkantalisme (Mohd Shazwan Mokhtar, Muhamad Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin 2017) oleh British di Tanah Melayu. Situasi yang dinyatakan, menjadikan golongan wanita begitu berdikari mencari sumber



pendapatan bagi digunakan dalam kehidupan mereka (Jamilah Ariffin 2003). Sekiranya sebelum ini kadar upah diberikan \$0.20 hingga 0.50 sahaja, namun menjelang pertengahan abad ke-20, kadar upah kepada golongan wanita dalam kegiatan penanaman padi mula berlaku peningkatan. Malah, ia juga dibahagikan kepada dua kategori iaitu yang berkemahiran dan tidak berkemahiran. Golongan wanita yang berkemahiran akan dibayar sebanyak \$0.75 hingga \$1.50 bagi tempoh satu hari bekerja. Manakala bagi golongan wanita yang tidak berkemahiran akan dibayar sebanyak \$0.50 hingga \$1.08 bagi satu jam bekerja. Bukan itu sahaja, mereka yang bekerja sepanjang hari juga akan dikenakan bayaran sebanyak \$0.27 dan \$0.19 sen sekiranya membeli segantang beras dan harga yang dinyatakan dilihat cukup memuaskan serta murah (Annual Report Economic Progress of Trengganu 1938).


Meskipun kegiatan ekonomi yang dijalankan masih dijalankan secara kecil-kecilan dan masih menggunakan sistem “barter” di mana, terdapat dalam kalangan mereka yang menukarkan beras dengan keperluan makanan lain, namun situasi yang dinyatakan telah memberi nilai kepada kehidupan golongan wanita di Terengganu (Annual Report

Economic Progress of Trengganu 1936). Rentetan daripada itu, melalui pendapatan yang dinyatakan, ia mengurangkan subordinasi golongan wanita terhadap golongan lelaki (Sharifah Hayaati Syed Ismail 2017). Selain memberi pendapatan kepada golongan wanita, kegiatan penanaman padi turut memperkasakan ekonomi di Terengganu. Semakin ramai penglibatan golongan wanita dalam aktiviti penanaman padi di Terengganu, semakin besar pengeluaran padi yang mampu dihasilkan kerana aktiviti yang dinyatakan sangat bergantung kepada jumlah tenaga kerja yang ramai. Sebagai contoh pada tahun 1921, terdapat seramai 14,383 orang wanita Melayu Terengganu telah terlibat dalam kegiatan penanaman padi dan jumlah ini telah meningkat kepada 40,775 orang wanita pada tahun 1927 terutamanya di kawasan Besut. Sekurang-kurangnya sebanyak 8,000 ekar padi berat dan 4,000 ekar padi ringan telah diusahakan oleh golongan wanita di tanah milik kerajaan. Melalui jumlah yang dinyatakan, sekurang-kurangnya 4,056,400 sehingga 831,551 gantang beras mampu dihasilkan. Hasil yang dinyatakan merupakan sebuah jumlah yang cukup besar kepada perkembangan ekonomi di Terengganu pada ketika itu (Annual Report of Trengganu 1937).

JADUAL 2. Kenaikan Jumlah Ekport Beras Terengganu Ke Singapura, 1915-1919

Tahun	Eksport dari Terengganu ke Singapura (\$)
1915	1,989,572
1916	2,079,642
1917	2,306,804
1918	3,749,900
1919	3,816,670

Sumber: Annual Report of Trengganu, 1915-1919



GAMBAR 5. Jumlah Eksport Terengganu ke Singapura, 1915-1919

Sumber: Annual Report of Trengganu, 1915-1919

Kenaikan jumlah eksport dan pendapatan negeri dapat dilihat berdasarkan jadual 2. Jumlah eksport dalam tempoh lima tahun ini merupakan jumlah eksport keseluruhan komoditi Terengganu termasuk pengeluaran padi. Berdasarkan jadual 2, dapat dilihat berlakunya kenaikan secara konsisten eksport beras Terengganu ke Singapura dari tahun 1915 sehingga tahun 1919. Pada tahun 1915, jumlah eksport beras adalah berjumlah sebanyak \$1,989,572. Menjelang tahun 1919, berlakunya kenaikan sebanyak \$1,827,098 menjadi \$3,816,670 jumlah eksport beras Terengganu ke Singapura. Melalui jumlah yang dinyatakan, aktiviti penanaman padi di Terengganu dilihat memberi sumbangan yang besar kepada hasil negeri sepanjang tempoh yang dinyatakan. Oleh itu, keadaan ekonomi yang baik sudah pasti akan dapat memberikan kesejahteraan hidup kepada golongan wanita di Terengganu. Hal ini kerana, pelbagai bantuan sudah pasti dapat disalurkan seperti pemberian 50,000 ekar tanah secara percuma dengan anggaran pengeluaran beras sebanyak 170 gantang beras pada satu musim. Malah kerajaan

telah mengeluarkan perbelanjaan antara \$3,000 hingga \$4,000 untuk pembinaan stor padi yang dilihat menyenangkan petani dalam aktiviti pengeluaran padi. Dengan bantuan yang disalurkan, secara langsung meningkatkan semangat wanita untuk terus terlibat dalam kegiatan penanaman padi. Diakui, antara faktor utama kenaikan jumlah eksport beras yang dinyatakan adalah disebabkan oleh sikap golongan wanita Terengganu yang cukup rajin. Menurut laporan tahunan Terengganu pada tahun 1925, *“they are more industrious and diligent women workers than any I have yet met in the Malay Peninsula and they are clever and efficient workers”* (Annual Report of Terengganu 1925). Misalnya, setelah menuai hasil padi, golongan wanita akan keluar berniaga setiap hari ke pasar dengan membawa hasil tersebut di atas kepala. Bukan sekadar hasil padi, malah mereka turut menjual pelbagai keperluan masyarakat tempatan. Malah, terdapat juga dalam kalangan mereka yang membawa hasil tanaman padi sehingga ke kawasan bandar bagi mendapatkan hasil yang lebih lumayan.



GAMBAR 5. Segerombolan Wanita Melayu di Terengganu Sedang Membawa Segala Hasil Pertanian untuk Dijual  
Sumber: Ihsan Muzium Negeri Terengganu

#### PENGUMPULAN HARTA DALAM KALANGAN WANITA MELAYU ELIT DI TERENGGANU

Selain itu, melalui kegiatan penanaman padi, jelas memperlihatkan bahawa golongan wanita berjaya memperoleh pendapatan untuk kegunaan bagi kehidupan mereka. Melalui pendapatan yang diperoleh, ia menjadikan kehidupan golongan wanita di Terengganu bertambah baik dan berdaya saing. Perolehan pendapatan melalui aktiviti penanaman padi juga menarik minat golongan wanita elit di Terengganu untuk turut serta menjana pendapatan sepanjang tempoh yang dinyatakan. Namun begitu, strategi yang digunakan oleh mereka berbeza dengan

golongan wanita Melayu bawahan ekoran mereka lebih memfokuskan kepada peluang perniagaan dan pengumpulan harta (L.O.T 41/1350). Namun begitu, situasi yang dinyatakan ini juga bergantung kepada kebijaksanaan wanita Melayu elit itu sendiri dalam menguruskan kekayaan mereka melalui pemilikan tanah (Mahani Musa 2005). Kebanyakan tanah yang dimiliki golongan ini telah digunakan secara maksimum bagi aktiviti penanaman padi terutama padi cedongan. Meskipun pihak kerajaan telah menetapkan Enakmen Tanaman Padi (1917) dan Undang-undang Pengeluaran Makanan 1919, namun ia tidak menghalang golongan wanita Melayu elit untuk memiliki tanah. Hal ini kerana, timbulnya

kesedaran terhadap kepentingan pemilikan tanah yang boleh dijadikan aset yang tidak ternilai dalam kehidupan golongan wanita Melayu elit di Terengganu pada ketika itu. Malah, melalui penguasaan terhadap tanah, ia dapat memberi pendapat lumayan bagi memenuhi keperluan keluarga dan memudahkan kepada monopoli aktiviti ekonomi seperti penanaman padi di Terengganu (Mahani Musa 2005). Selain itu, faktor penjualan

harga beras yang dijual sehingga mencecah \$8 segantang turut menyumbang kepada keghairahan golongan wanita elit di Terengganu untuk memiliki tanah. Dengan penjualan beras yang dinyatakan, ia telah memberi sumber pendapatan kepada wanita Melayu elit di samping membantu golongan wanita bawahan untuk memperoleh pendapatan (Annual Report of the Trengganu 1927).

JADUAL 3. Bayaran Hasil yang Diperoleh Sekiranya Memiliki Tanah

Ekar	Nilai Hasil (\$)
1.1	0.40 sen
1.2	0.40 sen
1.3	0.50 sen
1.4	0.60 sen
1.5	0.60 sen
1.6	0.60 sen
1.7	0.70 sen
1.8	0.70 sen
1.9	0.80 sen
2.0	0.80 sen
2.1	0.80 sen
2.2	0.90 sen
2.3	0.90 sen
2.4	1.00
2.5	1.00

Sumber: L.O.T 320/46 Hasil Tanah Padi 50sen pada Satu Ekar

Jadual 3 menunjukkan bayaran hasil padi berdasarkan jumlah ekar tanah yang dimiliki oleh golongan wanita di Terengganu. Jumlah bayaran hasil tertinggi ialah berjumlah sebanyak \$1.00 dengan keluasan tanah sebanyak 2.4 sehingga 2.5 ekar tanah. Meskipun golongan wanita Melayu elit memiliki pendapatan tinggi, namun mereka tetap mempunyai konsesi tanah yang cukup untuk merintis perolehan pendapatan aktiviti ekonomi yang lain. Misalnya, pada tahun 1923, Sultan Zainal Abidin III telah membahagikan sebanyak 700,000 ekar tanah pertanian kepada anak-anak baginda sebagai langkah untuk menjana pendapatan lain (Annual Report of the Trengganu 1923). Malah, terdapat juga perkhidmatan sewaan tanah dibuka ke atas tanah yang dimiliki oleh mereka bagi diusahakan aktiviti pertanian terutamanya pertanian padi. Kadar bayaran sewa dikenakan sebanyak 0.20 sen/ekar hingga 0.40 sen/ekar. Ia secara langsung telah memberikan sumber pendapatan sampingan kepada golongan wanita Melayu elit selain fokus utama mereka dalam pengumpulan harta dalam

tempoh yang dinyatakan (Annual Report of the Trengganu 1924).

Antara golongan wanita Melayu elit yang terkenal ialah Tungku Wok binti Tungku Osman yang dilihat memiliki 1000 ekar tanah di Kuala Duyong, Dungun. Tanah-tanah yang dimiliki oleh beliau telah diusahakan dengan aktiviti penanaman kelapa, padi dan getah. Manakala di Paka, Tungku Maimunah binti Almarhum Sultan Ahmad telah membeli tanah dengan harga \$200,000 untuk tujuan penanaman padi. Di Dungun pula, Tungku Fatimah binti Tungku Osman telah membeli tanah sebanyak 3000 ekar bagi tujuan yang serupa. Selain itu, antara golongan kerabat Diraja Terengganu yang memiliki jumlah tanah yang cukup banyak ialah Tengku Nik Maimunah binti Sultan Zainal Abidin III. Beliau memiliki beberapa tanah pertanian seperti di Sungai Cherol, Kemaman (150,000 ekar), Chenderong Kemaman (51,400 ekar) dan Dungun (38,900 ekar). Tanah yang tersenarai telah diusahakan dengan aktiviti penanaman padi dan juga getah (Annual Report of the Trengganu 1927). Melalui

kedudukan beliau sebagai golongan bangsawan Terengganu, ianya memudahkan Tengku Nik Maimunah bergiat aktif dalam urusan perniagaan dan pengumpulan harta di Terengganu. Hal ini menjadikan beliau sebagai wanita bangsawan yang berjaya di Terengganu dan meletakkan beliau berada dalam kelas yang tersendiri berbanding golongan wanita bangsawan Terengganu yang lain pada ketika itu. Malah melalui contoh yang diberikan, ia menunjukkan bahawa hampir separuh dari golongan wanita bangsawan di Terengganu merupakan pemilik tanah. Status pemilikan tanah sawah ini secara langsung memberikan gambaran jelas mengenai kehidupan mereka. Melalui pemilikan tanah yang dinyatakan, ia telah memberi kesejahteraan hidup kepada mereka dan menjadikan kehidupan mereka lebih baik dari semasa ke semasa (Nordin Hussin, Rahilah Omar & Siti Fathiah Abd Latif 2012).

#### PENINGKATAN TARAF KESIHATAN DALAM KALANGAN WANITA MELAYU

Selain memperoleh pendapatan dan mampu mengumpul harta, menerusi aktiviti penanaman padi juga, telah berlakunya peningkatan taraf kesihatan dalam kalangan wanita di Terengganu sepanjang tempoh yang dinyatakan. Kerajaan Terengganu melihat perlunya menjaga kesihatan golongan wanita yang melibatkan diri dengan aktiviti ekonomi di Terengganu ekoran golongan ini merupakan guna tenaga utama bagi aktiviti ekonomi di Terengganu pada ketika itu. Sekiranya penjagaan kesihatan terhadap mereka kurang dititikberatkan oleh kerajaan, sudah semestinya mereka akan terdedah dengan pelbagai penyakit dan akan mengganggu produktiviti kerja mereka. Kerajaan akan berhadapan dengan kerugian ekoran aktiviti ekonomi tidak dapat dilakukan (Mohd Firdaus Abdullah & Arbaiyah Mohd Noor 2019). Bagi mengelak daripada situasi dinyatakan berlaku dan mengganggu aktiviti ekonomi di Terengganu, Kerajaan Terengganu dilihat memberi tumpuan terhadap aspek penjagaan kesihatan dalam kalangan golongan wanita yang bekerja yang bertujuan menjaga kepentingan ekonomi mereka. Beberapa langkah telah diambil misalnya pihak kerajaan telah melaburkan sebanyak \$93,000 kepada pembangunan fasiliti kesihatan di Terengganu untuk memastikan tahap kesihatan golongan wanita terjamin.

Perkembangan kegiatan penanaman padi di Terengganu sememangnya telah mendedahkan golongan wanita kepada beberapa penyakit berjangkit seperti penyakit kulit atau penyakit puru

dan penyakit beri-beri. Misalnya pada tahun 1923, terdapat sekurang-kurangnya 258 kes penyakit kulit atau puru dikesan di Terengganu (Annual Report of the Trengganu 1923). Daripada jumlah tersebut, sekurang-kurangnya 200 orang wanita telah ditahan di hospital bagi diberi rawatan (Annual Report of the Trengganu 1931). Walau bagaimanapun, jumlah tersebut terus meningkat pada tahun 1932 iaitu seramai 210 orang. Manakala penyakit beri-beri pula, terdapat seramai 541 wanita Melayu telah dijangkiti. (Annual Report of the Trengganu 1931). Antara faktor golongan wanita terdedah dengan penyakit yang tersenarai ialah disebabkan penglibatan mereka sepenuhnya dalam aktiviti penanaman padi yang bermula dengan mengetam sehingga menampi padi. Manakala golongan lelaki tertumpu kepada kegiatan membajak sawah sahaja.

Beberapa pusat kesihatan seperti Hospital Kuala Terengganu, Klinik Kesihatan Besut, Dungun dan Kemaman telah dibina oleh Kerajaan Terengganu bagi memantapkan lagi perkhidmatan kesihatan di negeri berkenaan (Annual Report Economic Progress of Trengganu 1936). Kesemua pusat kesihatan ini turut dimonopoli oleh petugas kesihatan wanita yang telah dipilih. Misalnya, seramai 114 orang wanita telah ditempatkan sebagai bidan dan juga kakitangan awam kesihatan pada 1937 dan meningkat seramai 117 orang pada 1938 (Trengganu Annual Medical and Sanitary Report 1937). Hasilnya didapati penyakit berjangkit yang dinyatakan dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh pada tahun 1935, direkodkan seramai 76 orang wanita telah diberi rawatan di pusat kesihatan. Pada tahun 1936, jumlah pesakit wanita yang dirawat mengalami penurunan menjadi 61 orang. Sehingga tahun 1937, seramai 23 orang pesakit wanita dirawat dikebanyakan pusat kesihatan Terengganu (Trengganu Annual Medical and Sanitary Report 1938). Kejayaan dalam memberi perkhidmatan kesihatan dan mengurangkan angka jangkitan dalam kalangan golongan wanita yang bekerja di Terengganu menunjukkan bahawa aspek kesihatan wanita telah mula mendapat perhatian serius oleh kerajaan. Meskipun, ia berkait rapat dengan kepentingan ekonomi, namun ia menunjukkan telah adanya transformasi kesihatan dalam kalangan golongan wanita dan menunjukkan bahawa golongan ini turut mempunyai hak ke atas kesihatan mereka. Oleh itu, pandangan Siti Fatimah (2005) yang menjelaskan bahawa konsep kesejahteraan hidup bukan semata-mata diukur dengan nilai kasih sayang malah turut

diukur dengan taraf pendidikan, taraf kesihatan, ekonomi serta pendapatan hidup adalah benar. Hal ini kerana, ia amat bertepatan dengan langkah yang dijalankan oleh Kerajaan Terengganu dalam memberi tumpuan terhadap aspek penjagaan kesihatan dalam kalangan golongan wanita yang bekerja bagi menjaga kepentingan ekonomi mereka (Azlizan Mat Enh & Suraini Rosli 2018).

### KESIMPULAN

Konklusinya, jelas memperlihatkan bahawa kegiatan penanaman padi yang dijalankan oleh wanita Melayu di Terengganu pada abad ke-20 berjaya mewujudkan kesejahteraan hidup kepada mereka. Malah, Kerajaan Terengganu sememangnya bertanggungjawab dalam menyediakan peluang dan ruang kepada golongan wanita Terengganu melibatkan diri dalam aktiviti penanaman padi sehingga menjadikan kehidupan mereka bertambah baik berbanding sebelumnya. Di Terengganu, sememangnya kegiatan penanaman padi sangat dekat dengan golongan wanita ekoran kontruk sosial masyarakat yang meletakkan mereka dengan aktiviti ekonomi ini. Tindakan kerajaan dalam memberikan tanah, menyediakan perbelanjaan dan menubuhkan pusat kesihatan kepada mereka telah menarik minat golongan wanita melibatkan diri dengan aktiviti penanaman padi. Kesannya, mereka telah menikmati kesejahteraan hidup berbanding sebelum itu. Malah penglibatan golongan wanita di Terengganu dalam aktiviti penanaman padi menunjukkan mereka mampu berdikari dan membuat keputusan sendiri tanpa bayangan daripada golongan lelaki. Selain itu, golongan wanita di Terengganu turut mengawal sistem reproduksi mereka yang sebelum ini mengikat mereka di ruangan domestik sejak sekian lama. Situasi ini menunjukkan golongan wanita di Terengganu mempunyai kedudukan yang baik dalam kehidupan meskipun dominasi patriaki masih lagi menebal dan memonopoli kehidupan di Tanah Melayu pada abad ke-20.

### PENGHARGAAN

Penulis ingin melahirkan penghargaan kepada Arkib Negara Malaysia, Arkib Negara Cawangan Negeri Terengganu, Muzium Negeri Terengganu, Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan (PPAL),

Universiti Malaysia Terengganu dan lain-lain lagi yang banyak membantu menjayakan penyelidikan ini.

### RUJUKAN

- Agricultural Subordinat Ulu Trengganu, A.S.S.T 2/1949.
- Amarjit Kaur, ed. 1994. *Reading on Women and Development in Malaysia*. MPH Distributors Sdn Bhd.
- Andy Omara. 2004. Perempuan, budaya patriarki dan representasi. *Jurnal Mimbar Hukum* 11 (46): 148-165.
- Annual Report for The Year 1920.
- Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Trengganu For 1936.
- Annual Report On The Social and Economic Progress Of The People of Trengganu For The Year, 1937.
- Annual Report On The Social and Economic Progress of The People of Trengganu For 1938.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2020. The transition of Malay women's role and contribution in the early 20th century. *Journal of Al-Tamaddun* 15 (1): 67-84.
- Azizah Md Yusof, Jamal Ali & Roslina Kamarudin. 2014. *Kesejahteraan Hidup Subjektif: Pengaruh Elemen Ekonomi dan Bukan Ekonomi*. Prosiding PERKEM Ke-9: 719-727.
- Azlizan Mat Enh & Suraini Rosli. 2018. Institusi perbidanan di Selangor, 1900-1955. *Akademika* 88(1): 17-34.
- Badriyah Salleh. 1994. *Sejarah Ekonomi Pertanian, Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia*. Universiti Malaya.
- Barbara Watson Andaya. 2000. Other pasts: Woman, gender and history in early Southeast Asia. *JMBRAS* 51 (1): 113-136.
- Berita Harian*, 21 April 2021.
- C.L.M. 295/1353 Estimate Bagi Penanam-penanam Padi Bagi Tahun 1935.
- C.O 840/2 Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Trengganu 1931-1940.
- CO 840/1 Annual Report on the State of Trengganu for the Year 1910-1930.
- Collingwod, R. G. 1967. *The Idea of History*. Oxford University Press.
- Fatimah Abdullah. 1985. Wanita dan pekerjaan: Satu analisis konflik peranan. *Akademika* 27: 77-93.
- Firdaus, R. R., Ibrahim, A. Z., Siwar, C., & Jaafar, A. H. 2014. Penghidupan petani padi dalam mendepani cabaran perubahan iklim: Peranan intervensi kerajaan menerusi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP). *Kajian Malaysia* 32(2): 75-92.
- Hill, R. D. 1977. *Rice In Malaya: A Study in Historical Geography*. Oxford University Press.
- Israeli, R. & Johns, A. H., eds. 1984. *Islam in Asia*. The Magnes Press.

- Jamilah Ariffin. 2000. Sejarah pembangunan Malaysia dan perubahan peranan wanita dari sudut ekonomi dan pendidikan dalam Siti Fatimah Abdul Rahman. *Pemartabatan Wanita di Malaysia*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Ketetapan Tarikh Bertanam Padi Bagi Tahun 1941, L.O.T 43/1941
- Mahani Musa. 2003. *Sosio-Ekonomi Wanita Melayu Kedah 1881-1940*. Universiti Malaya.
- Mahani Musa. 2018. Reconstructing the past through oral history: A Malaysian experience. *Kemanusiaan* 25(1): 58-77.
- Malayan Agri-Horticultural Association (M.A.H.A), L.O.T 41/1350.
- Mardiana Nordin. 2015. *Penyelidikan Sejarah, Sumber-sumber Sejarah dan Bidang-bidang Di dalam Kajian Sejarah*. Seminar Kaedah dan Penulisan Sejarah. Jabatan Sejarah Universiti Malaya.
- melayu dalam Zaman Kesultanan Melayu: Permulaan bagi sebuah perjuangan dalam ekonomi. *Akademika* 82(2): 55-68.
- Mohd Azlan Abdullah, Rosmiza Mohd Zainol, Rosniza Aznie Che Rose & Amriah Buang. 2017. Mengungkap kelestarian pertanian kecil melayu pada zaman penjajahan British. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 5(3): 76-87.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2018. Kerjasama Kedah dan Perlis dalam pembangunan sistem bekalan air domestik di negeri Perlis, 1969-1978. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(1): 56-78.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2019. The 20th century domestic water supply in Alor Setar, Kedah. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 46(2): 240-271.
- Mohd Firdaus Abdullah & Arba'iyah Mohd Noor. 2020. Pembangunan bekalan air domestik di negeri Kedah, 1957-1992. *Kajian Malaysia* 38(1): 89-113.
- Mohd Shaladdin Muda Wan Abdul Aziz Wan Mohd Amin. 2006. Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan* 4(2): 1-20.
- Mohd Shazwan Mokhtar, Muhamamd Aslah Akmal Azmi & Mohd Samsudin. 2017. Perkembangan sistem perdagangan merkantilisme Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (1909-1913). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 44 (2): 1-26.
- Muda, M. S., Amin, W. A. A. W. M., & Omar, N. W. 2006. Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan* 4(2): 58-77.
- Muhammad Ridzuan Idris. 2016. Perkembangan pendidikan wanita Melayu di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, 1896-1941. Tesis Ph.D. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Saleh Awang. 1992. *Sejarah Darul Iman Hingga 1361H-1942 M*. Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
- Nathan, J. E. 1921. *The Census of British Malaya (The Straits Settlements, Federated Malay States and Protected States of Johore, Kedah, Perlis, Kelantan, Trengganu and Brunei)*. Waterlow & Watford.
- Nor Aini Idris. 2008. *Wanita dan Pembangunan Ekonomi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hayati Sa'at, Ibrahim Mamat & Wan Mohd Zaifurin Wan Nawang. 2017. Pola perubahan sosiobudaya dan mobiliti sosial dalam kalangan komuniti muara di pantai timur Semenanjung Malaysia. *Akademika* 87(3) (Oktober): 163-176.
- Nordin Hussin, Rahilah Omar & Siti Fathihah Abd Latif. 2012. Penyertaan ekonomi wanita
- Nur Najwa Yusof, Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus & Noor Ain Mat Noor. 2021. Alor Setar sebagai pusat komersial sebelum kemasukan British, 1735-1909. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48(2): 164-189.
- R. Suntharalingam. 1985. *Pengenalan Kepada Sejarah*. Marican & Sons (M) Bhd.
- Rahimah A. Hamid. 2010. Piama dan petua tradisi: Ilmu menanam padi masyarakat Melayu di utara Semenanjung Malaysia. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 28(2): 211-233.
- Raja Rohana Raja Mamat. 1991. *Peranan dan Status Wanita Melayu di Malaysia daripada Perspektif Sosial dan Undang-undang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail. 2017. Mengurus antara keluarga dan kerjaya organisasi: Analisis melalui pendekatan al-Tadayyun, al-Maqasid dan al-Wasatiyyah. *Akademika* 87(3): 195-206.
- Siti Fairuz Mohd Yusof & Nor Hayati Sa'at. 2019. Antara tradisi dan pembangunan dalam konteks perubahan sosiobudaya komuniti muara. *Akademika* 89(3): 27-39.
- Siti Noor Hafizah Mohamed Sharif. 2021. Pengenalan Rancangan Pengairan Kerian dan kesannya terhadap aspek ekonomi petani padi di Kerian, Perak (1906-1941). *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 48(2): 54-81.
- Sulong Mohamad. 2012. Masyarakat dan perubahan alam bina di Terengganu. Dlm. *Terengganu Merentasi Tiga Abad: Kesultanan, Politik, Ekonomi, Agama dan Budaya*, disunting oleh Abdul Rahman Embong. Yayasan Diraja Sultan Mizan.
- Temubual dengan Puan Ramlah Latif, Pembantu Muzium Kanan Bahagian Pendidikan, Kuala Terengganu, 13 Januari 2020.
- The Annual Report of The British Adikaviser Trengganu For The Year 1925 (Appendix).
- The Annual Report of the British Adviser, Trengganu For The Year 1926.
- Yusof, A. M., Ali, J., & Kamarudin, R. 2013. Kesejahteraan hidup: Kajian petani di kawasan penanaman padi di negeri Perlis. *Pros Perkem Viii*. 3: 1177-1187.

Zarina Md Nor & Zuraida Ramli. 2016. Satu tinjauan kepada usahawan wanita di Pulau Pinang. *Akademika* 86(2): 79-86.

Norazilawati Abd Wahab  
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan,  
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan,  
Universiti Malaysia Terengganu,  
21030 Kuala Nerus,  
Terengganu,  
Malaysia  
Email: norazilawatiwahab@unisza.edu.my

Ruzaini Sulaiman  
Jabatan Kenegaraan dan Ketamadunan,  
Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan,  
Universiti Malaysia Terengganu,  
21030 Kuala Nerus,  
Terengganu,  
Malaysia  
Email: ruzaini@umt.edu.my

Arba'iyah Mohd Noor  
Jabatan Sejarah  
Fakulti Sastera dan Sains Sosial  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia  
Email: arbaiyah@um.edu.my

Mohd Firdaus Abdullah (Corresponding Author)  
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hal Ehwal Antarabangsa  
(SPHEA)  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor,  
Malaysia  
Email: mfa@ukm.edu.my

Received: 12 June 2021

Accepted: 1 July 2022